

Soalan Latihan Sistem Bahasa Bentuk PT3 – Tingkatan 1

1. Pembentangan kertas kerja tentang amalan berjimat-cermat itu disampaikan oleh _____ dari Universiti Malaysia.
A Karyawan
B Perunding
C Sasterawan
D cendekiawan
2. “ _____, sakitnya gigi geraham saya ini!,” kata Borhan kepada ibunya.
A Cis
B Nah
C Aduh
D Aduhai
3. Dalam perlawanan badminton itu, kedua-dua orang pemain telah memberikan saingan yang _____
A sengit
B tegang
C hangat
D tangkas
4. “ Jangan lupa cuci pakaian sekolah _____ sebelum keluar rumah,” pesan Mak Piah kepada anak tunggalnya Ani.
A dia
B kita
C awak
D kamu

Soalan 5 dan 6

Ayat di bawah **mungkin betul** dan **mungkin salah** . Jika **terdapat kesalahan** , kesalahan itu telah ditandakan dengan **A,B atau C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D** . Pilih jaapan yang **paling sesuai** .

5. Ibu menyediakan senarai barang-barang yang diperlukan untuk memasak kek sarang lebh.
A B C
Tiada kesalahan
D
6. Bendera-bendera yang berwarna-warni berkibaran di sepanjang pintu pagar sekolah
A B C
sempena temasya sukan tahunan sekolah. Tiada kesalahan
D

Soalan 7 dan Soalan 8

Pilih ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

7. I Air mata Faridah *gugur* apabila mendapat perkhabaran tentang ayahnya di kampung.
II Anggota polis yang *gugur* semasa peristiwa Bukit Kepong akan sentiasa dikenang oleh rakyat Malaysia.
III Hak Tok Karim sebagai pemegang amanah cucunya *gugur* setelah cucunya itu mencapai umur 18 tahun.
IV Wang yang diberikan oleh ayah untuk membayar langganan majalah *gugur* dari poketnya.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
8. I Daging itu masih *mentah* lagi dan perlu dimasak selama 20 minit.
II Pemuda yang masih *mentah* dalam dunia perniagaan itu ditipu oleh rakan kongsinya.
III Daun salad biasanya boleh dimakan *mentah*.
IV Dia *mentah* dengan sikap rakannya yang asyik suka mengarah.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 9 dan 10

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat berikut **mungkin mengandungi kesalahan** penggunaan bahasa atau **mungkin juga tidak**. Tandakan sama ada **A**, **B** atau **C**, jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

9. Antara ketiga hasil kerja pertukangan tangan ini, hasil kerja Amir yang paling menonjol.
- A Di antara ketiga hasil kerja pertukangan tangan ini
B Antara ketiga-tiga hasil kerja pertukangan tangan ini
C Di antara ketiga-tiga hasil kerja pertukangan tangan ini
D Antara ketiga hasil kerja pertukangan tangan ini
10. Murid-murid itu menghadihkan sejambak bunga kepada guru kelas mereka.
- A hadiahkan sejambak bunga
B menghadih sejambak bunga
C menghadihi sejambak bunga
D menghadihkan sejambak bunga